

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**JMK 419 – Karya Terpilih Kesusasteraan Asia Moden**

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. Novel *The Temple of The Golden Pavilion (Kuil Kencana)* karya Yukio Mishima mengisahkan tekanan jiwa yang dialami oleh seorang calon rahib buddha dari zaman kanak-kanak sehingga dewasa. Trauma yang dialami semasa masih kanak-kanak akhirnya menjadikan dirinya seorang “psychopath dari jenis schizoid” yang tidak dapat mengawal keinginan untuk menghancurkan dan membenci benda-benda yang cantik dan indah. Bincangkan akibat trauma pertama yang dialami oleh Mizoguchi sehingga membawa dia membakar sebuah kuil yang indah dan tersohor di Kyoto.

(25 markah)

2. Yukio Mishima mengambil Utajima, sebuah pulau nelayan yang terpencil sebagai latar kisah yang dipaparkan dalam novelnya *The Sound of Waves (Deru Ombak)*. Apakah nilai murni ketimuran yang ditonjolkan pengarang dalam kisah yang diceritakan dalam novel ini. Bincangkan dengan memberi penekanan (*highlights*) kepada beberapa peristiwa yang telah berlaku.

(25 markah)

3. *Snow Country (Desa Salju)* karya Yasunari Kawabata banyak menampilkan lambang-lambang untuk menghidupkan cerita mengenai perhubungan bermusim di antara Shimamura dan Komako. Bincangkan lambang-lambang ini dengan mengaitkannya kepada maksud yang tersirat menerusi perjalanan Shimamura untuk bercuti ke Desa Salju.

(25 markah)

4. *Gitanyali* karya R. Tagore menceritakan pencarian rohani atau spiritual manusia untuk berjumpa dengan Tuhan. Berdasarkan beberapa rangkap (49 – 51) yang dipetik dari *Gitanyali*, bincangkan pencarian tersebut. (Lihat lampiran I).

(25 markah)

Lampiran I

49. turun engkau dari takhta  
lalu berdiri di muka pintu gubukku  
sendiri aku bernyanyi di sudut  
dan nyanyian itu sampai ke telingamu  
turun engkau ke bawah  
lalu berdiri di muka pintu gubukku

ramai penyanyi di dewan istana  
memperdengarkan lagu setiap waktu  
tapi nyanyian sederhana orang baru ini  
menuju tepat pada kasihmu  
sebuah nyanyian sedih kerdil  
bercampur dengan nyanyian dunia  
dan dengan bunga sebagai hadiah  
turun engkau ke bawah  
lalu berdiri di muka pintu gubukku

50. aku pergi meminta-minta  
dari pintu ke sebuah pintu  
di jalanan kampung  
apabila kereta emasmu  
nampak muncul dari jauh  
bagai mimpi yang indah  
dan aku bertanya  
pada diriku sendiri  
siapakah kiranya raja  
dari segala raja-raja itu

harapanku memuncak naik  
pikirku: hari yang jelik  
kini berakhirlah sudah  
kini aku mengharapkan hadiah  
yang akan diberikan  
dengan tidak meminta  
menanti kekayaan  
yang akan disebarikan saja  
di atas debu-debu

kereta berhenti di tempatku  
pandanganmu sampai padaku  
dan engkau turun  
dengan senyummu  
akhirnya kini telah datanglah  
kebahagiaan hidupku

tiba-tiba engkau tadahkan  
tangan kananmu  
seraya berkata:  
“apakah yang dapat  
engkau berikan padaku?”

ah inilah dia  
olok-olok seorang raja  
membuka telapak tangan  
meminta pada si peminta!  
dengan ragu bimbang aku berdiri  
lalu perlahan-lahan kuambil  
dari kandang sebutir gandum kecil  
dan kuberikan kepadamu

tapi alangkah terperanjatnya aku  
di kala petang hari  
apabila kukempiskan karungku  
kutemui di lantai  
sebutir emas kecil  
antara longgokan tak berharga  
aku sedih menangis dan menyesal  
mengapa aku tidak memberikan  
segala kepunyaanku: kepadamu

51. malam bertambah larut  
pekerjaan kami sehari-hari  
telah pun selesai  
kami fikir tamu akhir malam ini  
telahpun tiba  
pintu-pintu di kampung  
semuanya telah tertutup  
ada orang berkata:  
“paduka raja akan datang”  
kami tertawa dan berkata:  
“tidak, itu tak mungkin!”

serasa ada orang mengetuk pintu  
 dan kami pun berkata:  
 “itu tak lain daripada angin”  
 pelita kami matikan  
 dan kami pun pergi tidur  
 ada orang berkata:  
 “bentara datang!”  
 kami tertawa dan menyahut  
 “bukan! itu tentu bunyi angin”

di larut malam pekat  
 terdengar suara hingar  
 dalam tidur kami menyangka  
 suara guruh dari jauh  
 bumi bergegar  
 dinding bergoncang  
 dan kami pun rusuh dalam tidur  
 ada yang berkata  
 “itulah bunyi roda”  
 kami tergamam dalam hantuk  
 “bukan itu hanya bunyi gemuruh awan!”

malam masih larut hitam  
 di kala genta alamat dibunyikan  
 terdengar suara  
 “bangunlah lekas!”  
 kami pun bimbang dan gementar  
 kerana amat takut  
 ada yang berkata:  
 “lihat itu: panji-panji raja!”  
 kami pun bangkit lalu berseru  
 “kini tak dapat lagi kita berlalai”

raja telah datang –  
 tapi di manakah pelita?  
 di manakah karangan bunga?  
 di atas singgahsana manakah  
 baginda akan kita dudukkan?

o malu malu yang tiada taranya!  
 di manakah dewan tamu?  
 di manakah hiasan?  
 seorang berkata:  
 “sia-sia seruan itu!  
 sambutlah ia dengan tangan hampa  
 bawa ia ke dalam kamar kosongmu!”